

# Majikan digesa utama rakyat tempatan

**Kuala Lumpur:** Majikan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) digesa mengutamakan rakyat tempatan bagi mengisi kekosongan jawatan, tanpa bergantung lagi kepada lebih lima juta pekerja asing yang dipercayai berada di negara ini.

Sehubungan itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor, berkata kerajaan wajar mengambil langkah drastik menghantar pulang lebih tiga juta pekerja asing tanpa izin (PATI) yang didakwa berada di Malaysia.

“Kerajaan juga perlu menghantar pulang 2.7 juta pekerja asing yang ada permit tetapi tidak bekerja susulan pandemik CO-

VID-19. Ini kerana, pelbagai industri kini dalam fasa pemulihan dengan kapasiti operasi 50 peratus.

“Pakej Rangsangan Ekonomi masih pada peringkat pemulihan dan MTUC bimbang hampir sejuta pekerja tempatan akan hilang kerja. Berdasarkan Akta Kerja 1955, khidmat pekerja asing perlu ditamatkan terlebih dahulu sebelum rakyat tempatan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, pekerja tempatan mesti diberi peluang bekerja dengan perlindungan hak mengikut Akta Kerja 1955, Akta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) 1969, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991, Akta Gaji Minima 2013, Ak-

ta Umur Bersara 2013 dan Akta Skim Insurans Pekerja (SIP) 2017.

Abdul Halim berkata, perlindungan sosial bagi pekerja tempatan pula perlu dipertanggungjawabkan kepada pihak majikan bagi mengelak diskriminasi.

Beliau juga meminta kerajaan melanjutkan moratorium pinjaman untuk pekerja tempatan sehingga hujung tahun bagi membela kepentingan pekerja dalam kalangan golongan berpendapatan 40 peratus pertengahan (M40) dan 40 peratus terendah (B40).

Ini kerana, Abdul Halim mendakwa, ramai pekerja dalam golongan M40 dan B40 diberhentikan, diarah bercuti tanpa gaji

atau dibayar separuh gaji, sekali gus bantuan kerajaan melanjutkan moratorium akan memberi manfaat kepada mereka.

Pada 21 Mei lalu, *BERNAMA* memetik Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed, berkata kemungkinan kadar kehilangan pekerjaan pada tahun ini agak tinggi iaitu dua hingga tiga juta.

Beliau dilaporkan berkata, lepasan pusat pengajian tinggi dan universiti tahun ini sahaja adalah hampir 400,000 hingga 500,000 orang, tetapi negara lain turut berhadapan masalah sama terutama di Amerika Syarikat (AS) dengan kadar pengangguran lebih 20 peratus.